

Kemenangan PETIR

PETIR telah menang di dalam Pilihan Raya Singapura dengan mendapat 37 undi daripada 51 undi. Lain-lain undi: 13 Barisan Sosialis dan 1 U.P P. Suara yang didapat oleh PETIR sebanyak 47 peratus daripada seluruh pengundi.

Kemenangan PETIR itu mendapat teguran-teguran dari pihak lawannya dengan kerana berbulan-bulan sebelum diadakan pilihan raya, PETIR telah pun dengan jalan yang tidak tepat telah mengadakan kempen-kempennya dan sehabisnya berkempen ke seluruh daerah Singapura terus mengadakan pilihan raya yang diuntukkan masanya hanya sembilan hari dari hari pendaftaran calon.

Tetapi walau bagaimanapun orang ramai berasa lega juga dengan kemenangan itu sebab di dalam beberapa masa itu orang ramai khuatir kalau-kalau Barisan Sosialis menang tentunya orang ramai akan merasa kepahitan-kepahitan seperti permulaan PETIR memerintah dahulu di dalam masa masih bersama-sama dengan golongan kiri yang sekarang duduk di dalam Barisan Sosialis.

Dengan adanya PETIR sekarang yang sudah tidak bersama-sama dengan golongan kiri maka tentunya orang ramai berharap supaya pertadbiran negeri ini hendaklah dijalankan dengan adil, dengan tenteram dan tenang terutamanya di dalam memikirkan bahawa Singapura ini tidak akan dapat hidup semata-mata dengan bergantung kepada kekuatan buruh tetapi bergantung juga kepada pemodal-pemodal.

Di dalam pada itu, muslihat-muslihat perusahaan kecil, sama ada di dalam perindustrian atau perdagangan supaya jangan

dijadikan korban oleh perbuatan-perbuatan buruh yang berleluasa sehingga banyak perusahaan-perusahaan kecil gulung tikar kerana tidak tahan dan tidak dapat meneruskan usahanya. Bahkan tidak di situ sahaja tetapi telah pun timbul rasa tidak senang di antara kedua-dua pihak – majikan dan buruh – di dalam menjalankan usaha-usaha untuk mencari kemakmuran dan sara hidup.

Kerajaan PETIR hendaknya janganlah menumpukan perhatiannya semata-mata kepada perusahaan-perusahaan besar tetapi juga perusahaan-perusahaan kecil hendaklah diperhati, dikawal dan jika dapat dibantu sebab banyak perusahaan kecil itu terdiri bukannya daripada kekuatan modal tetapi semata-mata dengan kemahuan dan tenaga sendiri yang didapat oleh mereka di dalam pengalamannya di dalam masa memburuh dahulu.

Kemakmuran Singapura mesti diingat tidaklah dapat diadakan kalau semata-mata bergantung kepada buruh tetapi kemakmuran ekonomi Singapura hanya akan didapat dengan menimbangkan kedudukan-kedudukan modal dan hak-haknya di atas modal yang diselenggarakannya.

SUDAH TERBIT!

PERSURATAN MELAYU III

DRAMA

Harga \$7.00

Pesan kepada: –

QALAM

356/8 GEYLANG ROAD,

Singapore 14